



**BORANG PERMOHONAN**  
**STADIUM MPSJ, SERDANG JAYA**

Tarikh Permohonan :

Sila tandakan (/) kemudahan yang hendak disewa ;

(/)	NAMA KEMUDAHAN	GELANGGANG		
	Bilik Mesyuarat			
	Gelanggang Futsal			
	Gelanggang *Bola Tampar / Bola Jaring			
	Gelanggang *Badminton / Sepak Takraw	A	B	C
	Gelanggang Skuash	A	B	
	Dewan Serbaguna			

Nama Pemohon :

No. K/P :

No. Telefon :

Alamat / Nama Persatuan / Pertubuhan / Pasukan :

Tarikh Penggunaan :

Masa Penggunaan : ..... Jumlah Jam :

Tujuan Sewaan : .....

\*Saya berjanji akan bertanggungjawab ke atas segala bentuk kerosakan / kemalangan / kecurian dan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku semasa menggunakan Stadium MPSJ, Serdang Jaya.

\*Sila sertakan salinan penyata akaun bank, salinan kad pengenalan diri serta resit asal bayaran cagaran untuk urusan pemulangan semula wang cagaran selepas tamat tempoh penggunaan.

.....  
Tandatangan Pemohon

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

PERMOHONAN PENGGUNAAN **STADIUM MPSJ, SERDANG JAYA** ADALAH :

**DILULUSKAN**

**DITOLAK**

Tarikh : .....

.....  
**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**KADAR SEWA KEMUDAHAN STADIUM MPSJ, SERDANG JAYA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

BIL	JENIS KEMUDAHAN	HARI BIASA	CUTI AM / UMUM	MASA
i.	Bilik Mesyuarat	RM 120.00	RM 150.00	2 Jam/Sesi
ii.	Gelanggang Futsal	RM 100.00	RM 120.00	1 Jam/Gelanggang
iii.	Gelanggang Bola Tampar / Bola Jaring	RM 100.00	RM 120.00	1 Jam/Gelanggang
iv.	Gelanggang Badminton / Sepaktakraw	RM 15.00	RM 20.00	2 Jam/Gelanggang
v.	Gelanggang Skuash	RM 10.00	RM 15.00	1 Jam/Gelanggang
vi.	Aktiviti Sekolah / IPTA / KOLEJ	RM 100.00	RM 200.00	2 Jam/Sesi
vii.	Aktiviti Persatuan / NGO / Kelab	RM 100.00	RM 200.00	2 Jam/Sesi
viii.	Lain-lain Aktiviti (Syarikat / Pihak Swasta)	RM 400.00	RM 800.00	2 Jam/Sesi
ix.	Majlis Perkahwinan / Jamuan / Keraian ➤ Sesi 1 (9.00 pagi – 4.00 petang) ➤ Sesi 2 (3.00 petang – 10.00 malam) ➤ Sesi 3 (9.00 pagi – 10.00 malam)	RM 1,600.00 RM 1,600.00 RM 2,800.00	RM 3,200.00 RM 3,200.00 RM 5,600.00	Mengikut Sesi
x.	Konsert dan Lain-lain	RM 400.00	RM 800.00	2 Jam/Sesi

\* Harga TIDAK termasuk Cagaran

**SYARAT DAN PERATURAN PENGGUNAAN STADIUM MPSJ, SERDANG JAYA**

- Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan menjelaskan bayaran sewaan dalam masa tujuh (7) hari selepas surat kebenaran diterima. Sila bawa bersama Surat Kebenaran dan Resit Bayaran Cagaran semasa menggunakan kemudahan.
- Stadium MPSJ, Serdang Jaya merupakan kawasan **Larangan Merokok**.
- Pengguna dinasihatkan memakai pakaian dan kasut yang sesuai dengan jenis permukaan gelanggang yang digunakan.
- Pengguna hendaklah bertanggungjawab menjaga **kebersihan/keselamatan** segala kemudahan yang terdapat di Stadium MPSJ, Serdang Jaya semasa dan selepas penggunaan.
- Pengguna dinasihatkan menyediakan **pasukan petugas kebersihan sepanjang masa program berlangsung** dan segala pengumpulan sampah sarap hendaklah di buang ke tempat pembuangan sampah yang disediakan ataupun di bawa keluar dari kawasan Stadium MPSJ, Serdang Jaya.
- Pengguna hendaklah menyusun atau meletakkan peralatan yang digunakan ke tempat asal dengan teratur dan tersusun.
- Bagi tujuan pemasangan khemah atau peralatan yang melibatkan struktur di luar Stadium MPSJ, Serdang Jaya, pengguna diminta mendapat khidmat nasihat daripada Pegawai MPSJ terlebih dahulu.
- Bagi penggunaan komponen elektrik seperti sistem pencahayaan dan sistem bunyi, pengguna di minta untuk mendapatkan kebenaran dari Pegawai yang bertugas terlebih dahulu. Tahap penggunaan tenaga elektrik adalah tidak melebihi 2000 watt @ 13 Ampre. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku gangguan elektrik akibat kecuaiian dari pengguna.
- Khemah atau struktur yang di pasang di luar kawasan yang diluluskan hendaklah di buka **sebaik sahaja program tamat**. Pemotongan Cagaran Stadium MPSJ, Serdang Jaya akan dilakukan jika pengguna gagal mematuhi syarat ini.
- Pengguna dilarang keras membawa masuk makanan atau minuman yang **Haram Disisi Agama Islam** dan apa-apa yang boleh **merosakkan/mengotorkan** kawasan Stadium MPSJ, Serdang Jaya kecuali mendapat kebenaran daripada pihak Majlis.
- Pengguna dilarang mengadakan sebarang aktiviti perniagaan di kawasan Stadium MPSJ, Serdang Jaya.
- Pengguna dilarang menjalankan segala aktiviti **masakan/meng goreng/merebus** atau apa jua **penyediaan makanan dan minuman** di dalam kawasan kemudahan Stadium MPSJ, Serdang Jaya.
- MPSJ tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan, kecederaan atau kecurian yang berlaku semasa penggunaan Stadium MPSJ, Serdang Jaya.
- Majlis juga **berhak membatalkan kebenaran** penggunaan Stadium MPSJ, Serdang Jaya jika terdapat program rasmi yang melibatkan pihak MPSJ.
- Potongan sebanyak **RM100.00** akan dikenakan terhadap cagaran sekiranya terdapat pembatalan tempahan dilakukan.
- Sebarang peraturan-peraturan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada pindaan MPSJ.